


# **SUMBANGAN BUDDHA KEPADA MANUSIA**

**BUDDHA'S CONTRIBUTION TO MANKIND**  
**Bhante Pandit P. Sri Pemaratana**  
**Nayaka Maha Thero**



*Untuk Bukan Umat Islam Sahaja.*

## Publication of the



### Sasana Abhiwurdhi Wardhana Society 佛陀教义弘扬协会

Buddhist Maha Vihara  
123, Jalan Berhala, Brickfields  
50470 Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel: 603-22741141 Fax: 603-22732570  
E-Mail: [info@buddhistmahavihara.com](mailto:info@buddhistmahavihara.com)  
Website: [www.buddhistmahavihara.com](http://www.buddhistmahavihara.com)  
[www.ksridhammananda.com](http://www.ksridhammananda.com)

Permission to reprint for free distribution can be obtained upon request.

Published for Free Distribution

1<sup>st</sup> Print – Dec 2007 ( 3,500 copies)

*Persatuan Sasana Abhiwurdhi Wardhana Society  
merakamkan penghargaan kami kepada  
Rakan-rakan SeDhamma,  
Universiti Sains Malaysia  
diatas usaha penterjemahan mereka ini..*

Printed by:  
UNIPRINTS MARKETING SDN BHD (493024-K)

## **SYAIR TENTANG SEHARI YANG DIGUNAKAN DENGAN MEMUASKAN HATI**

Jangan seseorang mengenang kembali perkara yang telah berlalu

Ataupun tertanya-tanya berkenaan dengan masa hadapan.

Masa yang lampau telah berlalu

Masa hadapan masih belum sampai lagi.

Tetapi pada masa kini biar dia lihat

Dengan mendalam setiap dan segala dhamma

Yang boleh ditembusi dengan latihan

Secara kuat dan kukuh.

Hari ini usaha mesti dilakukan

Esok kematian mungkin akan datang - siapa tahu?

Tiadanya tolak ansur dengan Kematian

Dapat menghalang dia (Kematian) bersama tenteranya.

Bagi dia yang selalu bersemangat

Teguh pada siang mahu pun malam

'Pencinta kesunyian yang sempurna'

Dialah dinamakan Pertapa Suci.

## **SUMBANGAN BUDDHA KEPADA MANUSIA**

Di antara semua pengasas-pengasas agama di dalam dunia ini tidak seorang pun kecuali Buddha mendakwa dirinya sebagai manusia. Walaupun manusia, beliau adalah seorang insan yang luar biasa. Beliau telah menyempurnakan dalam kelahiran tak terpermanai kesemua sepuluh Dasa Paramita atau 10 Kesalihan Bodhisattva.

Dasa Paramita terdiri daripada : -

- |            |                                 |
|------------|---------------------------------|
| Dana       | - kedermawan (wakaf)            |
| Sila       | - kesusilaan                    |
| Nekkhamma  | - peninggalan kehidupan duniawi |
| Panna      | - kearifan                      |
| Viriya     | - kegigihan                     |
| Khanti     | - kesabaran                     |
| Sacca      | - kebenaran                     |
| Adhitthana | - tekad                         |
| Metta      | - kasih sayang suci             |
| Upekkha    | - ketenangan hati.              |

Beliau adalah seorang ACCHARIYA MANUSSA - seorang manusia yang luarbiasa. Beliau tidak menganggap dirinya sebagai tuhan<sup>1</sup> malah beliau tidak menyuruh pengikut-pengikutnya menganggapnya sebagai tuhan atau seorang dewata. Tetapi beliau boleh diberi penghargaan sebagai Devatideva, Guru kepada dewata ataupun Raja kepada dewata.

Kebanyakan guru-guru agama menganggap diri mereka sama ada sebagai tuhan, penjelmaan tuhan ataupun diilham oleh tuhan. Buddha tidak mendapat sebarang ilham atau kuasa luaran dari mana-mana tuhan kerana beliau mengaitkan semua kesedaran, kearifan dan pencapaiannya kepada usaha, ketekunan serta kebijaksanaan manusia. Setelah menyempurnakan Dasa Paramita, Buddha mendedahkan bahawa hanya manusia dan bukannya tuhan atau dewata-dewata yang boleh mencapai matlamat agung kita, iaitu

---

<sup>1</sup> Buddhisme menotak konsep kewujudan suatu entiti yang dikenali sebagai tuhan yang merupakan Pencipta Atam.

Pencerahan Kebuddhaan (Enlightenment). Setiap orang mempunyai keupayaan untuk menjadi Buddha jika ia berazam untuk mencapainya dan berusaha bersungguh-sungguh. Menurut Buddha, kedudukan manusia adalah agung. Manusia ialah tuannya sendiri dan tiada makhluk, kuasa atau entiti lebih tinggi yang dapat menentukan nasibnya. Beliau menasihati pengikut-pengikutnya supaya bernaung di bawah diri mereka sendiri dan jangan mencari perlindungan atau pertolongan di bawah naungan orang lain. Beliau mengajar, menggalak serta mendorong setiap orang untuk memperkembangkan kerohanian diri mereka sendiri dan mengusahakan pelepasannya sendiri daripada segala bentuk belenggu. Ini adalah kerana manusia mempunyai kebolehan untuk membebaskan dirinya melalui usaha, kebijaksanaan serta keyakinan pada keupayaan dirinya sendiri.

Buddha bukan sahaja seorang guru agama tetapi juga seorang pengubah sosial sebab beliau mengkritik dan juga berusaha menyingkirkan banyak unsur-unsur sosial negatif yang berleluasa

semasa zaman hidupnya. Berikutnya, saya ingin membentangkan beberapa daripada sumbangan Buddha kepada umat manusia : -

## SISTEM KASTA

Semasa hidup Buddha pada kurun ke-6 Sebelum Masehi (S.M.), sistem Kasta adalah suatu faktor hidup yang dominan dalam masyarakat. Buddha membantah bersungguh-sungguh terhadap sistem kasta kerana ia menghalang kemajuan manusia. Pada masa itu menurut kepercayaan agama (orang Hindu) semua orang dibahagikan kepada empat kategori, misalnya 4 kasta atau kelas :

- a) Brahmin - Mereka adalah kelas paderi dan dipercayai memegang kunci ke syurga. Mereka dianggap dilahirkan daripada mulut Maha Brahma iaitu pencipta alam semesta ini.
- b) Khattiya - kelas pemerintah. Mereka terdiri daripada kerabat-kerabat Diraja. Mereka dipercayai dilahirkan daripada pusat Maha Brahma.

- c) Vaishyas - Mereka adalah peniaga-peniaga dan dipercayai dilahirkan daripada lutut Maha Brahma.
- d) Sudras - Mereka ialah hamba abdi atau orang suruhan kepada tiga kasta yang tersebut di atas. Mereka langsung tiada kebebasan dan dipercayai dilahirkan daripada kaki Maha Brahma.

Merujuk kepada apa yang tersebut di atas Buddha bersabda : -

Bukan berdasarkan kelahirannya<sup>2</sup> seseorang itu Harija<sup>3</sup>,  
Bukan berdasarkan kelahirannya seseorang itu Brahmin  
Berdasarkan perbuatannya, seseorang itu Harija  
Berdasarkan perbuatannya, seseorang itu Brahmin

---

<sup>2</sup> Konsep ini menyatakan Kasta seseorang itu adalah berdasarkan kelahirannya. Meskipun berusaha bersunguh-sungguh untuk meningkatkan taraf pelajaran, ekonomi dan sosialnya, kastanya tidak akan berubah.

<sup>3</sup> Harija adalah satu kasta yang paling rendah dan dipandang hina.

Dalam Buddhisme kasta atau warna kulit tidak menghalang seseorang daripada menjadi seorang Buddhis ataupun memasuki Order Sangha<sup>4</sup>. Buruh yang membersihkan jalan, nelayan, tukang gunting dan juga Harija bersama-sama dengan Brahmin-Brahmin dan putera-putera raja, semuanya dilayani samarata tanpa mengira asal-usul mereka.

## KEBEASAN BERFIKIR

Ramai orang suka mengatakan bahawa "kami ialah ahli fikir bebas (free-thinker) dan kami tidak mempunyai agama". Tetapi jika seseorang itu ialah ahli fikir bebas maka sudah pasti ia mestilah seorang Buddhis kerana Buddha menggalakkan kebebasan berfikir. Kebebasan berfikir bagi diri sendiri yang dibenarkan oleh Buddha tidak dapat dijumpai dalam sejarah

---

<sup>4</sup> Order Sangha adalah perkumpulan bhikkhu-bhikkhu, iaitu mereka yang telah meninggalkan kehidupan duniaan mencari Kebenaran bagi kebaikan diri serta manusia.

sendiri tentang Kebenaran. Pelepasannya tidak agama lain, iaitu Kebebasan kepada keinsafannya bergantung kepada kurniaan tuhan atau sebarang kuasa luaran sebagai suatu ganjaran kepada kelakuannya yang baik dan ketaatannya. Bhagava tidak pernah berkata kepada pengikut-pengikutnya, 'Berdoa dan percaya'. Beliau biasanya bersabda, 'Datang dan mengerti, datang dan menyelidik. Jangan percaya apa jua semata-mata kerana keimanan (blind faith)'.

Dalam Buddhisme keimanan membuta tuli ini (blind faith) dikritik. Buddhisme menggalakkan penerimaan sesuatu selepas terdapat keyakinan berdasarkan pengetahuan dan pemahaman. Walaupun seorang Buddhis bernaung di bawah Buddha sebagai gurunya, ia tidak menyerah diri atau mengorbankan kebebasan untuk berfikir bagi diri sendiri. Tanpa mengorbankan kebebasannya sendiri dia meningkatkan kerohanian sehingga menjadi seorang Buddha. Sesiapa yang ingin mencapai

pelepasan Nibbana<sup>5</sup>, hanya perlu bergantung kepada diri sendiri tanpa dipengaruhi oleh dogma dan keimanan membuta tuli.

Jika anda membaca atau merujuk kepada Kalama Sutta, anda boleh memahami sejauh mana kebebasan berfikir yang telah diberikan oleh Buddha kepada pengikut-pengikutnya.

Buddha bersabda : -

"Jangan percaya kepada sesuatu semata-mata kerana anda sendiri pernah mendengarnya".

"Jangan percaya kepada tradisi hanya kerana mereka telah diamalkan turun-temurun".

"Jangan percaya kepada sesuatu yang berdasarkan khabar angin".

---

<sup>5</sup> Nibbana - alam kebahagiaan makluk dimana tidak terdapat penderitaan lagi. Nibbana bukanlah satu lagi alam kewujudan, tetapi merupakan satu keadaan dimana tiada lagi juzuk kewujudan.

"Jangan percaya kepada sesuatu semata-mata kerana ia didapati tertulis di dalam kitab suci anda".

"Jangan percaya kepada sesuatu semata-mata berdasarkan autoriti guru-guru anda dan orang-orang lebih tua".

"Tetapi selepas peninjauan dan analisis, apabila anda mendapati bahawa sesuatu perkara itu menyetujui dengan alasan yang munasabah, membantu dalam mencapai sesuatu yang baik serta menguntungkan semua pihak, barulah anda menerimanya dan hidup berdasarkannya".

Perkembangan rohaniah hanya wujud jika kebebasan berfikir dibenarkan. Perkembangan mental tidak boleh berlaku jika keimanan membuta tuli (blind faith) berleluasa. Kebebasan berfikir membawa kepada perkembangan mental manakala terlalu berpegang kepada dogma membawa kita menuju kepada kebuntuan dan kemunduran.

## TARAF WANITA

Buddha meningkatkan taraf wanita dan menyedarkan golongan wanita tentang kepentingan mereka terhadap masyarakat. Sebelum kelahiran Buddha, wanita tidak diberi kedudukan yang berpatutuan di dalam masyarakat. Mereka tidak dilayan dengan baik. Semasa abad keenam S.M. kaum wanita dikawal oleh pembatasan Brahmin yang ketat dan tempat mereka dihadkan kepada bilik dapur sahaja.

Buat kali pertamanya dalam sejarah dunia, Buddha mengasaskan Sangha Bhikkhuni dalam tahun ke-5 Pencerahan Kebuddhaan beliau. Dengan tertubuhnya Sangha Bhikkhuni, kaum wanita berupaya melepaskan diri daripada belenggu berkaitan dengan masyarakat India dahulukala dan menikmati kebebasan sempurna. Order ini adalah suatu kurniaan yang besar kepada mereka. Kaum wanita setelah memasuki Sangha Bhikkuni - permaisuri, puteri, janda, hamba wanita mahupun perempuan jalang semuanya adalah sama darjat tanpa mengira kasta atau pangkat mereka. Mereka mendapat

ketenangan jiwa serta ketenteraman yang sempurna selepas memasuki Order tersebut.

Pada suatu ketika, Raja Kosala berasa tidak puas hati sebab buat pertama kalinya, isteri beliau Permaisuri Mallika melahirkan seorang anak perempuan. Raja itu menganggap bahawa adalah bernasib buruk untuk mendapat seorang anak perempuan. Buddha telah menolak dakwaan tersebut dengan mengatakan, "Si Raja, seorang anak perempuan mungkin kelak nanti terbukti lebih mulia daripada seorang anak lelaki." Ini menunjukkan bahawa Buddha memberikan suatu kedudukan yang tinggi kepada wanita 25 abad yang lalu dan golongan wanita terhutang budi kepada Buddha.

## **BELAS KASIHAN TERHADAP PESAKIT**

Pada suatu hari, semasa Buddha sedang berjalan di dalam Vihara, beliau ternampak seorang Bhikkhu yang sakit tenat. Bhikkhu itu dibiarkan begitu sahaja sebab ia telah dihinggapi suatu penyakit kulit yang mengerikan. Buddha membantu merawat Bhikkhu yang sakit itu

dengan tanganNya sendiri. Kemudian dalam suatu perhimpunan agama, Buddha menjelaskan berkenaan dengan kepentingan menghulur bantuan kepada mereka yang menderita. Beliau bersabda, "Sesiapa yang melayani pesakit, juga melayani saya." Berdasarkan prinsip ini, Maharaja Asoka buat pertama kalinya dalam sejarah tamadun manusia menubuhkan hospital-hospital bukan sahaja untuk manusia tetapi juga untuk haiwan. Beberapa sutta penting yang diajar oleh Buddha adalah berkaitan dengan rawatan kepada pesakit-pesakit.

### **AHIMSA - tanpa kekerasan atau tanpa kekejaman**

Buddha menasihatkan siswa-siswanya mengamalkan kasih sayang suci, bukan sahaja terhadap manusia tanpa mengira kasta, kepercayaan atau warna kulit tetapi juga kepada halwan. Tiada seorang pun yang berhak memusnahkan nyawa mahluk hidup lain sebab nyawa adalah sesuatu yang sangat berharga kepada semua. Semasa hidup Buddha, pengorbanan binatang adalah satu amalan biasa di India. Semasa pengorbanan, banyak binatang

seperti kambing, lembu dan lain-lain dibunuh dan dipersembahkan kepada dewa-dewa dan dewi-dewi yang berlainan. Kadang kala manusia pun dibunuh dan dipersembahkan. Mereka yang menjalankan pengorbanan tersebut mempercayai bahawa dewata dan roh yang berlainan itu akan merasa gembira dengan persembahan tersebut. Selepas itu, mereka percaya mereka akan dikurniakan lebih banyak kebahagiaan serta kekayaan dan akan dilahir semula dalam syurga selepas kematian. Buat kali pertamanya Buddhalah yang menentang pengorbanan binatang dan menasihati siswa-siswanya untuk menentang pengorbanan binatang dan untuk mengamalkan kasih sayang suci terhadap semua mahluk hidup.

Semangat bertoleransi adalah satu daripada kebudayaan dan tamadun Buddhis yang paling dihargai. Tidak terdapat satu contoh pun penganiayaan, Perang Jihad atau pertumpahan darah untuk menukar agama orang lain ke dalam Buddhisme sejak 2,500 tahun dahulu. Memaksa orang lain memeluk agama tidak terdapat dalam Buddhisme.

Banyak sutta tentang keburukan yang bakal diterima hasil daripada membunuh dan akibat kammanya telah diberikan oleh Buddha. "SEMUA mahluk gentar pada saat kematian, semua mahluk takut kepada hukuman, ingatilah bahawa anda adalah seperti mereka dan jangan membunuh dan melakukan penyembelihan". Jika tiada apa jua pun, walaupun hujah yang munasabah, dapat menggerak hati nurani seseorang, biarlah perasaan bahawa semua mahluk hidup benar-benar sayang pada nyawa mereka menimbulkan perasaan belas kasihan dalam dirinya. Oleh itu, dengan perasaan belas kasihan ini, diharapkan dia dapat mempraktik Ahimsa. Begitulah Buddha bersabda. Pencerahan yang dibawa oleh AjaranNya menerangi jalan untuk manusia melepaskan diri daripada belenggu samsara (kitaran hidup dan mati yang semulajadi) dan akhirnya mencapai Nibbana.

## **MENGAJAR KITA BERDIKARI**

Buddhisme mengajar bahawa seseorang hanya boleh memperolehi pelepasannya menerusi usahanya sendiri tanpa bergantung kepada pertolongan suatu kuasa luar yang ghaib. Buddha tidak meletakkan tuhan yang mahakuasa dan ghaib pada tahap yang lebih tinggi daripada manusia, sebaliknya beliau telah meningkatkan nilai serta status manusia. Buddha mengajar siswa-siswanya bahawa mereka tidak perlu mencari sumber luar untuk mendapat bantuan bagi mencapai matlamat mereka. Bergantung kepada orang lain untuk memperolehi pelepasan adalah negatif tetapi bergantung pada diri sendiri adalah positif. Bergantung kepada orang lain bermakna menyerah diri tanpa sebarang usaha. Buddha menunjukkan dengan jelasnya bahawa kita sendiri yang harus berusaha. Buddha bersabda, "Kamu harus berusaha sendiri, sebab Tathagata hanya mengajar caranya." Ini bermakna Buddha menunjukkan jalan kepada pelepasan atau Nibbana dan terpulang kepada kita untuk mengikut jalan itu untuk menyelamatkan diri kita. Itulah sebabnya Buddha selalu menasihati

pengikut-pengikutnya, "Setiap Individu sebenarnya penyelamat dirinya sendiri. Tidak ada penyelamat lain selain daripada diri sendiri. Dengan pengawalan diri yang cukup, penyelamat kita yang sukar dicari itu pun telah diperolehi." Kita adalah penentu nasib kita sendiri, pembina neraka atau pencipta syurga kita sendiri. Kita adalah waris Kamma, jasa dan cela kita sendiri, sebab tiada orang lain boleh bertanggungjawab atas nasib kita.

Kebebasan berfikir dan toleransi yang ditunjukkan oleh Buddha telah menakjubkan penyelidik sejarah agama-agama di dunia. Semasa hidup Buddha, di Nalanda terdapat seorang yang terkemuka dan kaya bernama Upali. Beliau telah dihantar oleh gurunya Mahavira untuk bertemu dengan Buddha dan berdebat dengan Bhagavat tentang beberapa aspek tertentu dalam teori Kamma. Pendapat Buddha mengenai hal ini adalah berlainan dengan pendapat Mahavira. Upali pada akhir perbincangannya itu, telah yakin bahawa pendapat Buddha adalah betul dan pendapat gurunya adalah salah. Jadi, ia meminta Buddha menerima seorang

siswa Beliau. Tetapi Buddha meminta Upali untuk menimbangkannya semula dan jangan tergesa-gesa sebab "menimbang dengan teliti adalah penting untuk seorang yang ternama seperti anda." Apabila Upali mengulangi hasratnya sekali lagi, Buddha memintanya terus menghormati dan menyokong guru-guru agamanya yang lama seperti biasa, walaupun ia kini menjadi siswa Buddha.

Dalam kurun ketiga sebelum masehi, terdapat seorang Maharaja Buddhis yang mulia di India bernama Asoka. Beliau mengikuti contoh persefahaman dan toleransi yang mulia ini dan menghormati serta menyokong semua agama-agama lain dalam empayar beliau yang besar itu. Pada suatu batu bersurat beliau yang dapat dibaca sehingga masa kini, Maharaja Asoka menasihati :-

"Seseorang tidak harus hanya memuliakan agamanya sendiri dan menyalahkan agama lain, tetapi dia juga harus menghormati agama lain untuk sebab-sebab tertentu (jika ia betul). Dengan berbuat demikian, seseorang membantu agamanya sendiri untuk berkembang di samping

berkhidmat kepada agama-agama lain. Jika dia berbuat sebaliknya, seseorang diumpamakan menggali kubur agamanya sendiri dan juga membawa kecelakaan kepada agama lain. Sesiapa yang memuliakan agama sendiri dan memburuk-burukkan agama orang lain, berbuat demikian sesungguhnya kerana takwa kepada agamanya sendiri, dengan berfikir "Saya akan mengagung-agungkan agama saya sendiri." Tetapi dengan berbuat demikian, sebaliknya dia melemahkan agamanya sendiri dengan lebih banyak lagi. Jadi, toleransi adalah sesuatu yang sihat. Biar semua (individu) mendengar dan sanggup mendengar kepada ajaran yang diberi oleh orang lain."

## **SEPULUH KEWAJIPAN SESEORANG RAJA**

Pertama - Kemurahan hati, sifat liberal dan sifat kedermawan (dana). Pemerintah tidak harus mempunyai nafsu kuat dan terlalu terikat kepada kekayaan serta harta benda tetapi harus bermurah hati demi kebajikan rakyat.

Kedua - Mempunyai moral yang tinggi (sila). Dia tidak harus membinasa nyawa, menipu, mencuri, mempergunakan orang, berzina, berdusta dan mengambil minuman yang memabukkan. Dia mesti sekurang-kurangnya mengamalkan Lima Peraturan Hidup iaitu Panca Sila.

Ketiga - Sanggup mengorbankan segala-galanya demi kebaikan rakyat (paricagga), dia mesti bersedia untuk melepaskan semua keselesaan hidupnya, dan juga sanggup menggadaikan nyawanya demi kepentingan rakyat.

Keempat - Mempunyai kejujuran dan ketulusan hati (ajjava). Dia mesti bebas daripada ketakutan atau sifat bias semasa perlaksanaan tugas-

tugasnya, mesti ikhlas dalam tujuannya dan tidak harus menipu orang ramai.

Kelima - Baik hati dan bersifat lemah lembut (maddava). Dia mesti memiliki perangai yang ramah tamah.

Keenam - Kebiasaan berjimat cermat (tapa). Beliau mesti mengamalkan cara hidup yang sederhana dan tidak terjerumus dalam hidup yang mewah. Beliau harus mampu mengawal dirinya.

Ketujuh - Bebas daripada kebencian, dendam dan permusuhan (akkodha). Beliau tidak harus menyimpan dendam terhadap sesiapa pun.

Kelapan - Tanpa kekerasan (ahimsa), yang bermakna beliau bukan sahaja tidak melakukan sesuatu yang jahat kepada orang lain tetapi juga harus cuba untuk mengekalkan keamanan dengan mengelakkan dan menjauhkan diri daripada peperangan dan segala yang melibatkan kekerasan serta kebinasaan nyawa.

Kesembilan - Kesabaran, ketabahan, toleransi (khanti). Beliau mesti dapat menanggung kesengsaraan, kesukaran dan cemuh tanpa menjadi marah.

Kesepuluh - Tidak menentang dan menyekat (avirodha) iaitu beliau tidak harus menentang kehendak rakyat, tidak harus menyekat sebarang yang penting untuk kebajikan rakyatnya. Dalam ertikata lain, beliau mesti memerintah rakyat beliau dalam keadaan yang harmoni dengan kehendak rakyat.

Semasa hidup Buddha, ada pemerintah yang menguasai negara mereka dengan tidak adil seperti hari ini. Rakyat ditindas dan dieksploitasi, disekska dan dianiayai, cukai yang terlampaui tinggi dikenakan dan hukuman yang zalim telah dijatuhkan. Buddha berasa sedih melihat tindakan-tindakan yang tidak berperikemanusiaan tersebut dan telah menurunkan Sepuluh kewajipan seseorang pemerintah. Ini adalah untuk membimbangi pemerintah serta meningkatkan kebajikan rakyat.

Oleh itu kita boleh nampak bahawa penentangan sistem kasta, kebebasan berfikir, taraf wanita, belas kasihan terhadap pesakit, tanpa kekerasan (Ahimsa), tanggungjawab ke atas diri sendiri (berdikari), toleransi agama dan sepuluh kewajipan seseorang pemerintah adalah beberapa daripada sumbangan Buddha kepada manusia. Kejayaan setengah-setengah idea ini dalam dunia hari ini telah menampakkan kepentingan sumbangan Buddha kepada manusia.

*Buku ini diterjemahkan oleh*  
**Rakan-rakan SeDhamma, Universiti Sains  
Malaysia.**

## **SERVICES AVAILABLE AT THE BUDDHIST MAHA VIHARA**

- Booking for Dana (Alms Giving) and Bana (Sermons)
- Blessing Services / Funeral Services by Monks
- Booking of Facilities for religious functions / events
- Marriage Registration
- Full Moon and New Moon Day Services
- Sunday Dhamma Classes
- Sri Dhamma Library
- Tape Library
- Bookshop
- Correspondence Course
- Kindergarten - Tadika Sudharma
- PARAMA Business & I.T. Training Centre
- Weekly Activities

• Chanting	Tuesday & Friday	7.30 p.m.
• Special Talk	Friday	1.00 p.m.
• Dhamma Talk	Friday	8.00 p.m.
• Meditation	Monday & Thursday	8.00 p.m.
• Service & Talk	Sunday	8.30 a.m.
• Dhamma School	Sunday	8.30 a.m.

### **DONATION IN CASH OR KIND CAN BE MADE FOR:**

- Buddhist Propagation
- Education Fund
- Project Buddho Africa
- Full Moon and New Moon services sponsorship
- General Maintenance of the Buddhist Maha Vihara
- Illumination (lighting) of the Main Shrine Hall
- Illumination (lighting) of the Awkana Buddha & Cakra
- Monks Dana
- Monks Requisites
- Welfare Fund
- Special Religious Events - Wesak
  - Annual Blessing Service
  - Annual Merit Offering
  - Kathina Pinkama (ceremony)
  - Monks' Novitiate Programme

**MAY THE BLESSINGS OF THE NOBLE TRIPLE GEM  
BE WITH YOU AND YOUR FAMILY**

# **DONATION FORM**

Buddhist Maha Vihara  
123, Jalan Berhala, Brickfields,  
50470 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan,  
Malaysia.  
Tel: 603-22741141 Fax: 603-22732570

I / We would like to make a donation to the Buddhist Maha Vihara.

Name : .....

Address : .....

.....  
.....

Amount : RM .....

Towards :  The cost of reprinting this book

Others, please specify .....

.....

All cheques can made payable to: BUDDHIST MAHA VIHARA or TT to "BUDDHIST MAHA VIHARA" ACCOUNT NO. 0061-10-003018-0, EON BANK BERHAD, BRICKFIELDS, KL. Kindly send us a copy of your BANK SLIP so that we can send you an OFFICIAL RECEIPT.



**Sasana Abhiwurdi Wardhana Society  
Buddhist Maha Vihara**

123, Jalan Berhala, Brickfields  
50470 Kuala Lumpur, Malaysia.  
Tel: 03-2274 1141 Fax: 03-2273 2570  
E-mail: [info@buddhistmahavihara.com](mailto:info@buddhistmahavihara.com)

ISBN 978-983-43723-1-6

9 789834 372316